MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

Jalan Sultan Nazrin Shah, 33000 Kuala Kangsar **Tel : 05-210 2252**

Ruj. Kami : Bil (52) dlm MPKK 4/358/1 Jld 4
Tarikh : 5 November 2026

Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi jenis perniagaan penganjuran program/acara atau yang berkaitan.

SEBUTHARGA SH (P) 72/2026 TAWARAN UNTUK MENGANJURKAN BAZAR RAMADAN TAHUN 2027 BERMULA 8 FEBRUARI 2027 HINGGA 9 MAC 2027 (30 HARI) DI ARENA KUALA KANGSAR.

Merujuk kepada perkara di atas, penganjur yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih dibenarkan menyertai sebutharga/tawaran adalah dipelawa untuk mengemukakan harga bagi melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan di atas seperti yang dihuraikan dalam ringkasan sebutharga berkepil:

2. Penganjur yang layak menyertai sebutharga ini, boleh mendapatkan Borang Sebut Harga dengan **kadar bayaran RM 30.00** di **Tingkat 2, Bangunan Annex, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar** seperti ketetapan berikut :

2.1	**Tempoh Tawaran**	:	**12/11/2026 – 18/11/2026**
2.2	**Tarikh Tutup Tawaran**	:	**18/11/2026 (Jam 12.00 tengah hari)**

3. Penganjur adalah diwajibkan untuk melengkapkan Borang SebutHarga (Lampiran Q) dan Surat Akuan Pembida yang dikepilkan bersama-sama ini.

4. Borang sebutharga (Lampiran Q) yang telah lengkap beserta **1 salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Penyata Kewangan bagi 3 bulan terkini, Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate) yang dikeluarkan oleh LHDN** hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran Majlis Perbandaran Kuala Kangsar pada tarikh yang telah ditetapkan.

5. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tidak terikat untuk menerima sebutharga yang rendah sekali atau mana-mana sebutharga sekalipun.

6. Orang Awam/Syarikat hendaklah tidak melibatkan diri dalam perkara-perkara berikut :

   i. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan dari mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

   ii. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

   iii. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota pentadbiran awam dan menyenarai hitam orang awam/peniaga atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

   iv. Mana-mana penganjur yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberikan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Kuala Kangsar Bandar Di Raja, Bandar Warisan Budaya"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SAKDUDDIN BIN ZAMLI)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar